

28 NOV 1999

P/Raya-Kedah (Fokus Berita)

ANTARA INTAN DAN KACA, YANG MANA PILIHAN PENGUNDI

Oleh: Mohd Fisol Jaafar dan Jamaluddin Muhammad

ALOR SETAR, 28 Nov (Bernama) -- "Baju kimono kain kapas. Dahulu Umno sekarang PAS." Itulah ungkapan pantun yang terpampang di ratusan sepanduk yang dipasang parti pembangkang itu dalam usahanya memujuk pengundi membuat perubahan kepimpinan kerajaan di Kedah pada pilihan raya umum ke-10 ini.

Seperti pilihan raya-pilihan raya lepas, Kedah menjadi sasaran pembangkang, terutamanya PAS yang dilihat berpengaruh di kawasan-kawasan pedalaman.

Kali ini juga PAS mahu meniup angin perubahan dengan membangkitkan pelbagai isu dan dakwaan yang rata-rata menuduh pemimpin BN salah guna kuasa dan menyeleweng, dengan harapan pengundi memangkah calon-calonnya.

"Di Kedah, PAS mempunyai sokongan khususnya di kawasan pedalaman. Tetapi, hakikatnya hari ini pengundi lebih bijak, sudah tahu menilai yang mana intan dan yang mana kaca," kata seorang pemerhati politik.

Bahang pilihan raya amat dirasakan kali ini walaupun tidak banyak ceramah diadakan, baik oleh BN mahupun pembangkang. Kali ini, parti-parti bertanding lebih gemar mengadakan kempen dari kawasan peti undi ke peti undi ataupun dari rumah ke rumah.

Pada tahun 1995, BN menyapu bersih 15 kerusi Parlimen dan 34 daripada 36 DUN manakala Pas memenangi dua DUN, iaitu Sala dan Bukit Raya.

Sejumlah 75 calon bertanding 36 kerusi DUN dan 30 calon bagi 15 kerusi Parlimen di Kedah. BN meletakkan calon di kesemua kerusi DUN dan Parlimen, PAS di 32 DUN dan 11 Parlimen, DAP di empat kerusi DUN manakala Keadilan di empat kawasan Parlimen.

Tiga calon bebas turut bertanding, dua di DUN Lunas yang menyaksikan pertandingan empat penjuror dan seorang di Bukit Selambau yang menyaksikan tentangan tiga penjuror.

BN meletakkan 19 muka baru pada pilihan raya kali ini. Antara yang digugurkan adalah bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff di DUN Jitra yang diganti dengan Prof Datuk Dr Othman Ishak, bekas rektor Insaniah, pusat pengajian tinggi Islam di negeri ini.

Daripada tinjauan dan pendapat beberapa pemerhati politik, pengguguran beberapa penyandang, awalnya, mencetuskan rasa tidak senang hati di kalangan penyokong mereka tetapi bangkangan golongan itu tidak berlarutan sehingga sampai menjejaskan peluang BN di negeri ini.

Empat kerusi DUN -- Bukit Raya, Sala, Kupang dan Anak Bukit -- dan satu Parlimen -- Baling -- dianggap kawasan hitam bagi BN.

Kawasan-kawasan yang dianggap kelabu pula adalah DUN Kuala Nerang, Langgar, Bayu, Jeneri, Sungai Tiang, Kubang Rotan dan Kuah serta Parlimen Padang Terap, Pendang dan Kuala Kedah manakala baki 25 DUN dan 11 Parlimen dianggap putih.

Kawasan putih termasuklah Parlimen Kubang Pasu, iaitu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilihat tidak akan menghadapi masalah untuk menumbangkan pencabarnya dari PAS, Subky Latiff, bagi mempertahankan kerusi itu bagi penggal ketujuh.

Pada 1995, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN, memperolehi 24,495 undi untuk mengalahkan calon PAS Ahmad Mohd Alim dengan majoriti 17,226 undi.

Para pemerhati politik berpendapat beberapa faktor menyumbang kepada senario pilihan raya di negeri kali ini, termasuk kewibawaan calon yang bertanding, tahap populariti Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan isu-isu semasa.

Antara kerusi DUN, Anak Bukit menyaksikan persaingan paling sengit

antara Presiden PAS Datuk Fadzil Noor dan exco kanan kerajaan negeri Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin, yang pada pilihan raya lepas memenangi kerusi itu dengan majoriti hanya 568 undi.

Jumlah itu dianggap tidak selesa dan mudah terhakis, apatah lagi bila beliau berdepan dengan Fadzil yang berpengaruh. Sokongan terhadap PAS tidak kurang hebatnya di Anak Bukit.

Bukit Raya dan Sala tidak mudah ditawan semula. "Kedua-dua kawasan itu dah memang milik PAS. Letak siapa pun PAS yang punya," rumus seorang pemerhati.

Mungkin berlandaskan faktor inilah Fadzil berhijrah ke Anak Bukit dan meninggalkan Bukit Raya kepada anak didiknya, Mohamed Taulan Rasul, anak tempatan dan bekas penasihat undang-undang Majlis Perbandaran Kota Setar, yang dicabar Ketua Pemuda Umno Pendang, Abdullah Bahari.

Tetapi secara keseluruhannya, tumpuan kali ini adalah di Parlimen Baling. Pemerhati politik melabelkannya hitam kerana faktor calon BN, Bahadur Shah Mat, bekas setiausaha politik Sanusi ketika menjadi Menteri Pertanian, dan PAS, Taib Azamuddin Mohd Taib, bekas imam besar Masjid Negara.

Walaupun anak tempatan, Bahadur dianggap orang luar kerana jarang pulang ke Baling manakala Taib Azamuddin, anak tempatan juga, tetapi lebih popular kerana sifat kesederhanaannya serta pernah menjawat jawatan yang amat dihormati, khususnya di kalangan masyarakat Islam di kawasan pedalaman seperti di Baling.

Bagaimanapun, para pemerhati berpendapat kehadiran Dr Mahathir di Kubang Pasu dan melalui lawatannya ke kawasan-kawasan "bermasalah" bagi BN dalam tempoh 24 jam ini sebelum pengundian bermula Isnin ini, dijangka mengubah trend mengundi nanti.

-- BERNAMA

JM/MFJ RHM